




PENCEMARAN di Sungai Nipah dan Sungai Keluang, Bayan Lepas juga dikatakan berpunca daripada sikap penduduk yang tidak mengendahkan soal kebersihan.



AIR Sungai Keluang di Bayan Lepas bukan sahaja berwarna hitam tetapi berbau busuk ekoran pembuangan sisa sampah sarap yang dilakukan beberapa individu yang tidak bertanggungjawab.



SELAIN sampah, limpahan najis manusia dan haiwan boleh dilihat di Sungai Keluang mahupun di Sungai Nipah.

Masalah berlarutan lebih 10 tahun tanpa siapa pun ambil peduli

Sungai Keluang, Nipah tercemar

Oleh SYALMIZI HAMID

GEORGE TOWN – Sejak lebih 10 tahun lamanya, penduduk termasuk pihak berkuasa tempatan seolah tidak ambil kisah dengan pencemaran teruk yang berlaku di Sungai Keluang dan Sungai Nipah, Bayan Lepas di sini.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S.M Mohamed Idris berkata, hasil pemantauan pihaknya mendapati selain berbau busuk, air di dua

batang sungai terbabit berlumpur dan berwarna hitam pekat.

Dakwa beliau, masalah ini berpunca daripada pembuangan sisa dari kilang, kediaman penduduk, premis perniagaan dan bengkel di kawasan berhampiran.

Lebih meloyakan, kata S. M Mohamed, pasukan CAP turut menemui limpahan najis manusia termasuk binatang yang mengalir di Sungai Keluang dan Sungai Nipah.

“Susah untuk CAP gambarkan bagaimana keadaan sungai-su-

ngai itu. Permukaan (sungai) penuh dengan sampah sarap dan bahan buangan yang mendap di dalam sungai itu.

“Lebih memeranjatkan kami apabila penduduk yang tinggal di kawasan jeti nelayan Sungai Keluang membina tandas di sungai berkenaan. Mereka membuang najis ke dalam sungai tersebut,” katanya baru-baru ini.

Hasil tinjauan *Kosmo!* ke lokasi itu mengesahkan dakwaan CAP itu.

Sukar untuk dibayangkan ba-

gaimana para penduduk berdekatan boleh bertahan dengan keadaan jijik dan meloyakan itu.

Selain nyamuk, lalat menghurung sisa-sisa sampah malah terdapat beberapa burung gagak menjadikan sebagai lokasi itu sebagai tempat mencari makanan.

Kanak-kanak pula dilihat seperti sudah terbiasa dengan suasana tidak selesa itu apabila bermain-main di sekitar sungai.

S.M Mohamed berkata, jika masalah itu tidak ditangani

segera, beliau percaya, akan lebih ramai penduduk akan jatuh sakit.

“Ya juga boleh mengancam hidupan sungai termasuk marin di kawasan laut berhampiran. Justeru, CAP menggesa semua pihak terutamanya Jabatan Alam Sekitar, kerajaan negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan semua pihak mengambil tindakan segera dan melakukan pemantauan. Orang ramai juga diminta tidak membuang sisa kotor dan najis ke dalam sungai,” katanya.